

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BIN HASSAN
[PAPAR]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Y.B. TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan tidak boleh memberi peruntukan yang lebih sementara menunggu permintaan 20% royalti diluluskan untuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dan tidak meminggirkan mana-mana negeri dalam memastikan pembangunan sosioekonomi yang saksama dan inklusif seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Berdasarkan peruntukan pembangunan Negeri Sabah sebanyak RM5.2 bilion dan Sarawak sebanyak RM4.5 bilion bagi tahun 2020 dan 2019, ianya merupakan sebanyak 32 peratus berbanding peruntukan pembangunan yang diperuntukkan kepada semua negeri. Bagi tahun 2020, Sabah dan Sarawak kekal sebagai negeri yang menerima Perbelanjaan Pembangunan tertinggi.

Selain itu, bagi menunjukkan keprihatinan terhadap rakyat di Sabah dan Sarawak, Kerajaan menggandakan lebih 100 peratus lagi kadar Pemberian Khas, yang tidak disemak sejak 1969, sehingga RM106.8 juta untuk Sabah dan RM64 juta untuk Sarawak dalam tempoh lima tahun.